



# SIARAN AKHBAR

UNTUK SIARAN SEGERA

## MINGGU PKS 2017 NEGERI SARAWAK SASAR PENGLIBATAN 5,000 USAHAWAN PKS

**Kuching, 2 Mei 2017** – Kementerian Pembangunan Perindustrian & Keusahawanan, Perdagangan & Pelaburan Sarawak (MIETI), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan SME Corp. Malaysia optimis penganjuran Minggu PKS 2017 peringkat negeri Sarawak bakal menarik penglibatan oleh lebih 5,000 usahawan PKS di Sarawak. Pelbagai kelainan akan ditampilkan bagi memastikan orang awam, terutamanya usahawan mendapat manfaat daripada penganjuran Minggu PKS yang mula diperkenalkan oleh SME Corp. Malaysia sejak tahun 2012.

Minggu PKS merupakan program tahunan yang dilaksanakan serentak di seluruh negara dengan kerjasama pelbagai pihak termasuk Kerajaan Negeri, GLC, pihak swasta, media, sekolah, universiti, pasaraya besar, kompleks beli belah, Persatuan & Dewan Perniagaan serta Institusi Kewangan. Pelbagai program dan aktiviti telah dirancang bagi mempergiatkan aktiviti perniagaan serta menampilkan keupayaan PKS sebagai tulang belakang ekonomi negara. Dengan tema “Mula Berdikit - Azam Melangit”, Kerajaan mengiktiraf kepentingan dan sumbangan PKS kepada negara di samping menyediakan platform terutamanya kepada usahawan mikro untuk mengembangkan lagi perniagaan mereka.

Untuk tahun ini, Sarawak akan melaksanakan Minggu PKS daripada 18 sehingga 21 Mei 2017 di Borneo Convention Centre, Kuching. Pelbagai program dan aktiviti telah dirancang dan masyarakat umum terutamanya usahawan mengambil peluang untuk turut sama terlibat di dalam Minggu PKS Negeri Sarawak. Kepada mereka yang

bakal berkunjung ke Borneo Convention Centre akan berpeluang untuk mendapatkan produk usahawan PKS di mana seramai 200 usahawan Sarawak yang terdiri daripada usahawan belia, wanita dan usahawan terbaik negeri Sarawak akan mempamerkan produk mereka di karnival ini. Selain itu, sesi padanan perniagaan bersama hypermarket, forum keusahawan dan mini karnival *Food Truck* akan turut dianjurkan. PKS yang berminat untuk menyertai program-program ini diminta untuk menghubungi SME Corp Malaysia pejabat negeri Sarawak.

Sepanjang tempoh pelaksanaan Minggu PKS ini, usahawan dan masyarakat umum juga berpeluang mengunjungi pameran dan kaunter maklumat yang dikendalikan oleh kementerian dan juga agensi bagi mendapatkan maklumat terkini mengenai program dan bantuan yang disediakan.

TAMAT

Untuk maklumat lanjut, sila berhubung dengan En Ahmad Mu'izz Mohd Yusof di talian 03 – 2775 6275 atau emel – [muizzyusof@smeCorp.gov.my](mailto:muizzyusof@smeCorp.gov.my) atau Encik Esmawady Mohd Esa di talian 6082 - 252 955 atau emel – [esma@smeCorp.gov.my](mailto:esma@smeCorp.gov.my)

PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA  
(SME CORP. MALAYSIA)  
SME Corp. Malaysia (Sarawak)  
Tingkat 3, Menara Grand Lot 42  
93100 Kuching, Sarawak

Tel : 6082-252 955/238 955/256 955  
Fax : 6082-253 955  
<http://www.smeCorp.gov.my>  
e-mail: [info@smeCorp.gov.my](mailto:info@smeCorp.gov.my)

### **SME Corp. Malaysia**

SME Corp. Malaysia merupakan sebuah Agensi Penyelaras Pusat yang menggubal dasar umum dan strategi PKS serta menyelaras pelaksanaan Program Pembangunan PKS anjuran semua Kementerian dan Agensi yang berkaitan. Ia bertindak sebagai pusat rujukan setempat bagi penyelidikan dan penyebaran data PKS serta sebagai pusat perhubungan untuk maklumat dan menyediakan khidmat nasihat untuk PKS di Malaysia. SME Corp. Malaysia turut memainkan peranan sebagai Sekretariat kepada Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK) yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia.